



Tatakelakuan

Nilai-Nilai Samsonite

Samsonite komited dalam menjalankan perniagaan di seluruh dunia dalam cara yang tekak dengan nilai-nilai tradisional Samsonite. Objektif kita bukan hanya untuk mematuhi undang-undang di kalangan masyarakat kita menjalankan perniagaan, malah juga bertindak secara bertanggungjawab, jujur dan beretika dalam semua perkara. Demi mencapai matlamat ini, adalah penting bagi semua orang yang ada kaitan dengan syarikat untuk memahami dan memikul piawaian tertinggi yang telah ditubuhkan oleh Samsonite.

Tatakelakuan ini, yang dirujuk sebagai Tata, memberi ringkasan jangkaan Samsonite terhadap warganya dan mengingatkan mereka tentang keperluan bertindak secara beretika dalam apa sahaja yang dilakukan. Sementara anda tertakluk kepada beberapa keperluan undang-undang tambahan dan dasar-dasar yang unik kepada tempat kerja anda, Tata ini menetapkan prinsip-prinsip global yang merangkumi setiap warga Samsonite.

Sesiapa yang gagal mematuhi Tata ini akan dikenakan tindakan disiplin.

Sekiranya anda kurang pasti sama ada Tata merangkumi sesuatu situasi tertentu, anda hendaklah hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite. Jika anda ingin melaporkan isu etika tertentu, anda boleh menggunakan Talian Penting Pelaporan Etika Samsonite. Maklumat lanjut tentang penggunaan talian penting ini tersedia di www.samsonite.ethicspoint.com. Sekiranya anda memilih untuk menggunakan Talian Penting Pelaporan Etika Samsonite, kerahsiaan identiti anda akan dilindungi sejauh mana yang mungkin dibenarkan oleh undang-undang. Anda tidak akan dikenakan tindakan disiplin atau apa-apa tindakan balas kerana mengemukakan maklumat secara ikhlas.

Tata ini merangkumi semua pengarah, pegawai dan pekerja Samsonite. Seperti mana digunakan dalam Tata, istilah "Samsonite" merujuk kepada Kumpulan Samsonite yang merangkumi Samsonite Group S.A. dan semua syarikat sekutu.

Pematuhan Undang-undang Sepenuhnya

Samsonite komited dalam mematuhi undang-undang, peraturan dan pengawalan yang berkaitan, yang mengawal atur perniagaan Samsonite di seluruh dunia. Sekiranya anda mempunyai soalan mengenai apa-apa piawaian undang-undang, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Undang-undang Antitrust dan Persaingan

Samsonite komited terhadap persaingan yang adil dan terbuka di pasaran di seluruh dunia. Semua pekerja Samsonite diharap mematuhi undang-undang antitrust dan persaingan di negara Samsonite menjalankan perniagaan.

Undang-undang antitrust dan persaingan lazimnya melarang syarikat-syarikat yang bersaing daripada mengikat perjanjian yang menghalang persaingan. Contoh-contoh sedemikian termasuk perjanjian menetapkan harga atau membahagi-bahagikan pelanggan ataupun wilayah. Melanggar undang-undang ini boleh mengakibatkan kerugian wang yang besar dan penalti jenayah bagi Samsonite serta individu-individu yang terlibat.

Jika boleh, anda hendaklah mengelak berkomunikasi secara terus ataupun sebaliknya bersama para pesaing Samsonite. Di bawah apa jua keadaan, anda di larang sama sekali berbincang dengan para pesaing Samsonite tentang isu-isu seperti harga semasa dan harga masa depan, bida, kos, diskaun, terma rebet jualan, kapasiti pengeluaran, tahap bekalan, inventori, pelanggan, pelan perniagaan atau strategi pendedaran.

Undang-undang antitrust dan persaingan lazimnya melarang Samsonite mengikat perjanjian atau mengenakan apa-apa terma mengenai harga jual produk-produk Samsonite oleh pelanggan Samsonite. Anda dilarang mempengaruhi penentuan harga seseorang pelanggan bagi produk-produk Samsonite dalam apa jua cara tanpa mendapatkan kelulusan Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite terlebih dahulu.

Sekiranya anda mempunyai apa-apa kemusykilan mengenai undang-undang antitrust atau persaingan, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Ketepatan Akaun dan Rekod

Rekod yang tepat amat penting kepada kejayaan operasi Samsonite. Semua rekod kewangan dan perakaunan, penyelidikan, laporan jualan, rekod atau laporan belanja, lembaran masa dan dokumen lain mestilah tepat dan benar. Dokumen yang difailkan dengan entiti awam, kerajaan, kehakiman atau kawal atur mesti mewakili fakta-fakta perkara asas secara jelas dan jujur. Membuat catatan, rekod atau dokumentasi yang tidak benar atau yang mengelirukan dilarang sama sekali.

Pembayaran kepada Pegawai Kerajaan

Anda dilarang sama sekali memberi atau menawarkan wang, produk, perkhidmatan atau apa-apa barangan bernilai kepada mana-mana pegawai kerajaan, calon politik atau organisasi politik di mana-mana negara bagi atau memperoleh atau mengekalkan perniagaan, memperoleh tindakan kawal atur yang menguntungkan atau bagi manfaat peribadi.

Bayaran kecil tertentu kepada pegawai kerajaan untuk memudahkan atau mempercepatkan prestasi fungsi-fungsi rutin kerajaan – seperti memperoleh permit, lesen dan dokumen rasmi lain – mungkin dibenarkan. Sila dapatkan kelulusan Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite, sebelum membuat bayaran sedemikian.

Sekiranya anda kurang pasti sama ada suatu bayaran tertentu dibenarkan ataupun tidak, hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Rasuah dan Sogokan

Anda hendaklah berunding bersama pembekal, pelanggan dan pesaing secara saksama. Anda hendaklah berunding bersama pembekal, pelanggan dan pesaing secara saksama.

Anda dilarang menawarkan, meminta atau menerima apa-apa rasuah, rebet haram atau sogokan. Semua wang yang diterima daripada mana-mana rakan kongsi perniagaan Samsonite yang bakal mahupun semasa hendaklah dicatatkan dalam buku kewangan Samsonite.

Hadiah-hadiah

Anda dilarang mendapatkan atau meminta hadiah daripada rakan kongsi semasa atau prospektif Samsonite. Walau bagaimanapun, anda boleh menerima hadiah yang mempunyai nilai yang berpatutan sebagai tanda hormat perniagaan.

Contoh hadiah-hadiah yang berpatutan dan sesuai termasuk:

- Hadiah tanda seperti baju-T, kole, pena atau lain-lain barangan promosi yang diedarkan secara meluas.
- Barangan guna habis yang boleh dikongsi bersama rakan sekerja.
- Sajian dan hiburan perniagaan yang biasa dan berpatutan.
- Jemputan ke majlis-majlis seperti makan malam perniagaan, sambutan mesra dan acara sukan, budaya dan hiburan

Hadiah-hadiah yang mungkin tidak dapat diterima termasuk:

- Hadiah wang tunai tidak boleh diterima dan hadiah bersamaan wang seperti sijil hadiah, pinjaman bawah harga pasaran dan saham.
- Hadiah-hadiah mewah dari segi nilai atau luar biasa secara amnya, termasuk komputer dan peralatan elektronik lain, tiket penerbangan prabayar, menggunakan kemudahan percutian syarikat lain, pembaikan rumah, dan belanja kunjungan yang ditanggung penuh.

Dalam keadaan yang mana keengganan menerima hadiah itu mungkin memalukan ataupun dianggap tidak sopan, hadiah tersebut boleh diterima bagi pihak syarikat dan diberikan kepada Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite bagi pengendalian yang wajar.

Apabila anda sedang menyediakan hadiah, hiburan atau penginapan berkaitan dengan perniagaan Samsonite, anda mesti melakukannya dengan sewajarnya dan tanpa perbelanjaan berlebihan. Mana-mana hadiah yang anda beri mestilah berpatutan dan adalah kelaziman dalam situasi tersebut.

Sekiranya anda kurang pasti sama ada Tata membenarkan anda menerima atau memberikan hadiah tertentu, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Konflik Kepentingan

Anda hendaklah mengelak daripada semua situasi di mana berlakunya konflik kepentingan secara peribadi, ataupun kelihatan berkonflik, dengan kepentingan Samsonite. Konflik kepentingan berlaku jika wujud potensi pengaruh, sama ada pertimbangan anda terjejas mahupun tidak.

Konflik boleh timbul dalam banyak situasi berlainan. Jika anda mempunyai kepentingan secara langsung atau tidak langsung (seperti kepentingan kewangan) yang mungkin mempengaruhi pertimbangan anda bagi pihak Samsonite, suatu konflik wujud.

Dalam menentukan sama ada suatu konflik wujud ataupun tidak, tanya diri anda soalan berikut:

- Adakah faktor-faktor yang berkaitan dengan perniagaan Samsonite mempengaruhi keputusan-keputusan yang saya buat bagi Samsonite?
- Bagaimanakah situasi itu akan kelihatan di kalangan warga Samsonite? Adakah mereka fikir ia mungkin akan mempengaruhi cara saya menjalankan tugas bagi syarikat?
- Apakah tanggapan orang luar Samsonite, seperti pelanggan, pembekal, atau pemegang saham?

Berikut adalah contoh-contoh konflik kepentingan di bawah Tata:

- Anda membuka kedai bagasi,
- Anda bertindak sebagai perunding bagi seorang kawan yang sedang membuka kedai bagasi.
- Anda mengesyorkan kepada Samsonite untuk menyewa suatu kemudahan milik ahli keluarga anda.
- Anda berunding terma pekerjaan atau menerima jawatan dengan vendor yang anda menjalankan perniagaan bagi pihak Samsonite.

Ini adalah beberapa daripada banyak situasi yang boleh membawa kepada konflik kepentingan. Adalah tanggungjawab anda untuk berhati-hati dan mengelak walaupun situasi yang boleh dianggap konflik kepentingan. Jika anda mempunyai apa-apa kemusykilan atau ingin mengemukakan suatu konflik kepentingan yang mungkin akan berlaku, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Urus Niaga Pihak Yang Berkaitan

Konflik lazimnya berlaku apabila rundingan perniagaan anda bagi pihak Samsonite melibatkan pihak yang ada talian persaudaraan bersama atau pekerja Samsonite yang lain. Urus niaga pihak berkaitan termasuk, tetapi tidak terhad kepada, urus niaga antara Samsonite dan:

- Mana-mana pekerja Samsonite (termasuk anda) atau ahli keluarga rapat mana-mana pekerja Samsonite;
- Sebuah syarikat di mana pekerja Samsonite, atau ahli keluarga rapat mana-mana pekerja Samsonite, mempunyai kepentingan kewangan. (Pemilikan kurang dari setengah daripada 1% dari saham syarikat yang diterbitkan yang didagangkan secara terbuka tidak membawa kepada kewujudan suatu konflik).
- Organisasi yang mempunyai pekerja Samsonite yang sedang berkhidmat, atau pernah berkhidmat pada bila-bila masa sepanjang tempoh tiga tahun yang lepas sebagai seorang pegawai, pengarah, pemegang amanah atau rakan kongsi; atau
- Sebuah organisasi di mana seorang pekerja Samsonite sedang berunding atau telah baru berunding, atau mempunyai mana-mana pengaturan lain mengenai pekerjaan prospektif.

Anda mesti mendapatkan kelulusan daripada Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite terlebih dahulu sebelum menjalankan apa-apa perniagaan dengan mana-mana "pihak yang mempunyai pertalian persaudaraan bersama anda".

Peluang-Peluang Korporat

Dari masa ke semasa, anda mungkin berhadapan dengan atau mendapat tahu tentang suatu peluang perniagaan hasil jawatan anda dengan Samsonite. Anda dilarang sama sekali mengambil kesempatan dengan apa-apa peluang yang anda dapati melalui jawatan anda di Samsonite.

Perdagangan Orang Dalam

Jika anda mempunyai maklumat bukan umum yang penting mengenai Samsonite atau dengan mana-mana syarikat Samsonite menjalankan perniagaan, anda tidak dibenarkan membeli atau menjual saham syarikat tersebut. Anda juga dilarang sama sekali daripada mendedahkan maklumat sedemikian kepada orang lain agar mereka boleh membeli atau menjual saham atau sebaliknya menggunakan maklumat tersebut bagi manfaat peribadi mereka. Maklumat material yang bukan umum adalah maklumat yang mungkin boleh menjejaskan keputusan pelabur untuk mendagangkan sekuriti itu dan yang belum lagi didedahkan secara umum.

Larangan terhadap pendedahan maklumat bukan umum yang penting mungkin tidak berkenaan jika Samsonite mempunyai obligasi kontraktual untuk menyediakan maklumat tersebut kepada pihak ketiga seperti pihak bank, syarikat insurans, pemberi lesen atau rakan niaga. Sekiranya anda kurang pasti sama ada wajar mendedahkan maklumat bukan umum yang penting ataupun tidak, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Maklumat Sulit

Maklumat sulit merangkumi mana-mana maklumat mengenai Samsonite yang belum lagi diketahui umum. Maklumat Sulit boleh merangkumi maklumat mengenai rancangan perniagaan, produk baru dan penambahbaikan produk, kaedah operasi, pelanggan, pembekal dan prestasi kewangan Samsonite.

Maklumat sulit merangkumi mana-mana maklumat mengenai Samsonite yang belum lagi diketahui umum. Apa jua pendedahan maklumat sulit Samsonite mesti dibuat mengikut dasar Samsonite dan mana-mana undang-undang yang berkenaan, termasuk semua undang-undang privasi yang berhubung dengan perlindungan dan pendedahan data peribadi tersebut.

Larangan terhadap pendedahan maklumat bukan umum yang penting mungkin tidak berkenaan jika Samsonite mempunyai obligasi kontraktual untuk menyediakan maklumat tersebut kepada pihak ketiga seperti pihak bank, syarikat insurans, pemberi lesen atau rakan niaga. Jika mana-mana pihak ketiga memaksa anda mendedahkan maklumat sulit, atau sekiranya anda kurang pasti sama ada wajar mendedahkan maklumat sulit Samsonite ataupun tidak dalam suatu situasi tertentu, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Penggunaan Wajar Aset Syarikat

Semua pekerja hendaklah melindungi aset Samsonite daripada fraud, kehilangan, kerosakan, salah guna dan pencurian. Semua aset Syarikat hendaklah digunakan dengan cekap dan hanya bagi tujuan perniagaan yang sah sahaja.

Contoh-contoh fraud termasuk pemalsuan atau pindaan cek, sekuriti, inois, laporan perbelanjaan, dasar, dokumen eskrow atau rekod perakaunan; dan penyelewengan dana, kelengkapan atau aset lain Samsonite.

Anda hendaklah melaporkan bukti tentang apa-apa penggunaan aset Samsonite yang tidak wajar, termasuk apa jua bentuk fraud yang disyaki, kepada Ketua Penasihat Undang-undang atau Naib Presiden, Audit Dalaman Samsonite.

Melindungi Jenama Kita

Tanda dagangan Samsonite adalah aset yang berharga, dan semua orang yang ada kaitan dengan Samsonite mesti berusaha untuk melindunginya. Jika anda mendapat tahu bahawa barangan tiruan Samsonite sedang dijual atau dipamerkan di mana jua, sila beritahu Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Harta Syarikat

Harta Samsonite (sebagai contoh, barangan, sampel, bekalan dan kelengkapan pejabat) hendaklah digunakan bagi tujuan perniagaan sahaja. Mengambil atau menggunakan harta Samsonite dengan apa-apa nilai bagi tujuan peribadi tidak dibenarkan. Jika anda mensyaki bahawa aktiviti-aktiviti dalam stor, pusat pengedaran atau mana-mana kemudahan lain mengakibatkan kerugian dari segi kewangan kepada Samsonite, sila hubungi Naib Presiden, Audit Dalaman Samsonite.

Kesihatan dan Keselamatan

Samsonite berusaha untuk menyediakan persekitaran kerja yang selamat serta sihat bagi semua pekerjanya. Dengan itu, anda pula hendaklah menggalakkan serta mengamalkan keselamatan, semasa bekerja dan mematuhi piawaian kelakuan yang wajar. Beritahu penyelia serta-merta sekiranya anda memerhatikan apa-apa bahaya di tempat kerja.

Kepelbagaian dan Peluang Saksama

Masa depan Samsonite bergantung pada kemampuannya menarik dan mengekalkan orang yang terbaik di semua peringkat dalam organisasi. Dasar dan amalan kita memastikan peluang pekerjaan dan kemajuan yang saksama bagi semua orang yang layak. Adalah tanggungjawab anda untuk membantu Samsonite mewujudkan serta mengekalkan persekitaran kerja di mana kepelbagaian dihormati dan pekerja dilayan secara saksama dan adil.

Samsonite komited kepada pematuhan penuh terhadap semua keperluan undang-undang tempatan berhubung kait dengan peluang saksama, diskriminasi dan gangguan.

Tanggungjawab Sosial

Adalah penting kepada Samsonite bahawa pekerja semua vendor-vendornya dilayan dengan baik dan saling hormat-menghormati satu sama lain. Samsonite tegas dalam memastikan para vendor memenuhi piawaian tenaga buruh, kesihatan dan keselamatan, tekal dengan piawaian yang ditetapkan oleh Konvensyen Organisasi Buruh Antarabangsa (ILO - International Labour Organisation), agensi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu. Samsonite menyokong prinsip pusat ILO: bahawa orang di seluruh dunia boleh menjalankan kerja yang baik dan produktif dalam keadaan bebas, saksama, selamat dan dengan sikap saling hormat-menghormati.

Kegiatan Politik

Dilarang memberi sumbangan kepada parti atau calon politik dengan menggunakan dana Samsonite atau bagi pihak Samsonite tanpa mendapat kelulusan Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Walau bagaimanapun, anda bebas memberi sumbangan politik peribadi serta melibatkan diri dalam aktiviti politik peribadi dengan menggunakan wang serta masa anda sendiri. Anda dilarang sama sekali menyatakan atau mencadangkan dalam apa jua cara bahawa anda bertindak bagi pihak Samsonite atau bertindak dengan mendapat kelulusan Samsonite. Anda juga mesti menjelaskan bahawa pandangan dan tindakan anda terhadap apa-apa isu agama atau sosial adalah pendapat anda semata-mata dan bukan pendapat Samsonite.

Jika anda mempunyai apa-apa keraguan sama ada adalah wajar ataupun tidak untuk menggunakan dana atau nama Samsonite berhubung dengan suatu pelaksanaan tertentu, sila hubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite.

Menyokong Tatakelakuan Kita

Samsonite komited dalam membantu warganya memenuhi obligasi mereka di bawah Tata ini.

Melaporkan Salah Laku dan Mendapat Panduan

Sekiranya anda mendapat tahu tentang atau mensyaki pelanggaran Tata atau apa-apa undang-undang, anda hendaklah melaporkan perkara ini serta-merta. Sekiranya anda mempunyai apa-apa soalan mengenai maksud, tujuan dan/atau aplikasi mana-mana dasar yang ditetapkan dalam Tata, sila dapatkan panduan.

Anda boleh membuat laporan atau mendapatkan panduan dengan menghubungi Ketua Penasihat Undang-undang Samsonite. Sekiranya keadaan tidak mengizinkan untuk melibatkan Ketua Penasihat Undang-undang, anda hendaklah menghubungi Naib Presiden, Sumber Manusia yang bersesuaian bagi rantau anda.

Penyiasatan

Semua pelanggaran yang dilaporkan akan disiasat dengan segera dan akan dirahsiakan sejauh mana yang mungkin. Adalah amat penting bagi orang yang melaporkan agar tidak menjalankan penyiasatan sendiri. Penyiasatan pelanggaran yang disyaki mungkin melibatkan isu-isu perundangan yang rumit dan bertindak secara bersendirian boleh menjejaskan integriti suatu penyiasatan serta membawa kesan yang buruk kepada anda dan Samsonite.

Kebertanggungjawaban

Anda dan semua lain yang ada kaitan dengan Samsonite bertanggungjawab untuk mematuhi Tata. Mereka yang menyelia orang lain bertanggungjawab melaksanakan penyeliaan yang sempurna dan mengesan serta melaporkan pelanggaran Tata oleh pegawai-pegawai bawahannya.

Pelanggaran mana –mana peruntukan Tata ini boleh mengakibatkan tindakan disiplin setakat dan termasuk pemberhentian kerja.

Keperluan tata hanya boleh diketepikan oleh Lembaga Pengarah secara keseluruhannya atau oleh jawatankuasa Lembaga yang diberikan kuasa untuk berbuat demikian. Semua penepian mesti didedahkan dengan segera.

Tata ini tidak menjejaskan hak berkanun anda.

Talian Penting Pelaporan Etika Samsonite

Samsonite telah mengekalkan suatu pihak ketiga untuk menyelenggarakan talian penting untuk menerima pertanyaan dan laporan secara sulit. Anda boleh serahkan laporan dalam talian di www.samsonite.ethicspoint.com atau hubungi talian bebas tol menggunakan kod akses atau nombor telefon yang ditemukan di www.samsonite.ethicspoint.com.

Tiada Tindakan Balas

Anda tidak akan dikenakan tindakan disiplin atau apa-apa tindakan balas kerana melaporkan suatu pelanggaran atau pelanggaran Tata yang disyaki secara ikhlas. Samsonite akan mengambil tindakan disiplin, sehingga dan termasuk penghentian kerja, terhadap mana-mana pekerja yang terlibat dalam apa-apa tindakan balas.



Tatakelakuan ini tidak merangkumi kesemua undang-undang atau dasar Syarikat, ataupun semua situasi yang mungkin timbul semasa pengendalian perniagaan. Tujuan asas Tatakelakuan ini adalah untuk memaklumkan anda mengenai piawaian am yang anda perlu patuhi. Tanpa sumbangan dan penyertaan anda, Samsonite tidak mampu mencapai sasaran penting serta cita-cita tinggi yang telah ditetapkan bagi syarikat Samsonite.